

HASiL/2026/01/09 – 05

MYINVOIS E-POS: REFORMASI PENDIGITALAN PERNIAGAAN

SELARAS DENGAN PELAKSANAAN E-INVOIS FASA 4

MULAI 1 JANUARI 2026

CYBERJAYA, 9 JANUARI 2026 – Sebagai usaha untuk melancarkan proses pelaksanaan e-Invois dan memastikan perniagaan mematuhi keperluan e-Invois, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah menyediakan MyInvois e-POS, iaitu sebuah platform digital *Point-of-Sale* (POS) yang boleh diakses secara percuma oleh perniagaan khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

MyInvois e-POS direka dengan mengintegrasikan fungsi utama operasi perniagaan seperti perekodan jualan, pengurusan inventori, pelaporan kewangan dan sokongan kepada pelaksanaan e-Invois. Kemudahan yang disediakan tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan operasi perniagaan tetapi juga dapat mengurangkan kos operasi, seperti kos langganan perisian komersial, kos cetakan dan penyimpanan dokumen fizikal.

Dalam menyokong proses pendigitalan operasi perniagaan pembayar cukai selaras dengan pelaksanaan e-Invois, Kerajaan bersetuju supaya skop penggunaan **MyInvois e-POS diperluaskan untuk meliputi pembayar cukai yang mempunyai**

pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM5 juta yang terlibat dengan pelaksanaan e-Invois Fasa 4.

Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan lancar, pembayar cukai dalam Fasa 4 yang melaksanakan e-Invois bermula dari 1 Januari 2026 akan diberi tempoh peralihan selama 12 bulan berbanding tempoh 6 bulan seperti yang ditetapkan sebelum ini. Sehubungan itu, sepanjang tempoh kelonggaran yang bermula dari 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026, perniagaan boleh mengeluarkan e-Invois disatukan berdasarkan peraturan yang ditetapkan tanpa dikenakan sebarang penalti.

Melalui peluasan skop penggunaan MyInvois e-POS dan penyediaan tempoh peralihan yang lebih panjang seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan Amanat Tahun Baharu 2026 pada 5 Januari 2026, Kerajaan berharap semua pembayar cukai yang layak dapat menggunakan kemudahan yang disediakan HASiL dan melaksanakan e-Invois berdasarkan peraturan ditetapkan sebagai langkah penting dalam meningkatkan daya saing perniagaan ke aras aspirasi pendigitalan perniagaan.

Pembayar cukai boleh menghubungi HASiL melalui saluran khas e-Invois seperti berikut untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat selanjutnya:

- a. Berkunjung ke Pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan

e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan

<https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 9 Januari 2026